

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
(TASEK GELUGOR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 21.03.2016**

**Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [ TASEK GELUGOR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan dalam mengkaji semula dasar Bank Negara Malaysia (BNM) bagi memudahkan pelajar mendapatkan pinjaman pelajaran dari bank seperti yang disarankan oleh MARA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Institusi kewangan di negara ini mempunyai fleksibiliti untuk memperkenalkan dan memasarkan produk pembiayaan pendidikan. Produk ini tidak terikat kepada tempoh pembiayaan maksimum selama 10 tahun sepertimana yang dikenakan ke atas produk pembiayaan peribadi yang bertujuan untuk menangani tahap hutang isi rumah yang tinggi. Bank Negara Malaysia tidak mengenakan sebarang dasar khusus mengenai perkara ini ke atas institusi kewangan.

Institusi kewangan di negara ini pada kebiasaannya akan memerlukan pemohon mengemukakan dokumen sokongan yang mengesahkan penerimaan serta kos kemasukan ke institusi pengajian tinggi bagi memastikan pembiayaan yang diluluskan digunakan untuk tujuan pendidikan sepenuhnya. Dalam hal ini, adalah penting untuk memastikan setiap pinjaman yang dibuat mengambil kira kemampuan individu untuk membayar balik pinjaman tersebut.

Pemohon yang ingin mendapatkan pembiayaan pendidikan disarankan berhubung terus dengan pihak institusi kewangan bagi mendapat maklumat lanjut mengenai skim pembiayaan pendidikan yang ditawarkan.

Selain itu, pemohon juga boleh melayari laman sesawang rasmi Jabatan Pendidikan Tinggi untuk mendapatkan maklumat berhubung bantuan pelajaran dan biasiswa pendidikan yang ditawarkan oleh pelbagai institusi dan organisasi di Malaysia.